



06 Oct 2015

KOSMO, Malaysia

Author: No author available • Section: Business & Finance • Article type : News Item
Classification : Malaysia - Bahasa Newspapers • Audience : 208,331 • Page: 52
Printed Size: 198.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • ASR: MYR 1,610
Words: 317 • Item ID: 476521183

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

Page 1 of 1

MSM buka hab dagang di Dubai

KUALA LUMPUR— MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), peneraju gula bertapis di Malaysia telah melebarkan sayap perniagaannya di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan membuka hab perdagangan yang berpangkalan di Dubai.

Hab perdagangan yang dikenali sebagai MSM Trading International DMCC (MSM Trading) itu telah menerima lesen perdagangan daripada Dubai Multi Commodities Centre (DMCC) dan dijangka memulakan operasinya pada 1 Disember ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod (**gambar**) berkata, pelaburan MSM di Dubai dianggap unik kerana syarikat berpeluang meneroka pasaran Asia Barat dan Afrika Utara

serta negara-negara yang bersempadan dengan rantau Asia Pasifik.

“MSM Trading merupakan platform penting untuk kami mengembangkan perniagaan perdagangan di rantau ini.

“Kami berbesar hati kerana memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa di DMCC sekali gus membolehkan kami mencapai matlamat yang ditetapkan,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Sheikh Awab menjelaskan, melalui pembukaan hab di Dubai, MSM berpeluang untuk mempelbagaikan pendapatan daripada hasil luar negara menerusi perdagangan gula mentah dan bertapis serta jualan eksport gula bertapis.

“Disebabkan zon waktu yang bersesuaian dan lokasi strategik, kami telah memilih Dubai yang terletak di tengah-tengah pasaran perdagangan gula dunia meliputi rantau Asia, Eropah dan Amerika.

“Lokasinya juga berhampiran

dengan pemain gergasi gula di United Kingdom dan Switzerland.

“Secara langsung, ini membolehkan kami menerokai pasaran dan sumber lain yang akan memberikan lebih manfaat dan kelebihan kepada MSM,” ujarnya.

Tambah beliau, syarikat mengunjurkan untuk menjual sebanyak 200,000 metrik tan gula mentah dan menjual 250,000 metrik tan gula bertapis setahun sekali gus menjadikan ia destinasi utama perdagangan MSM.

Selain itu, jelasnya, pelebaran sayap ke Dubai dijangka meningkatkan keupayaan MSM untuk menjadi syarikat gula terkemuka dunia.

Sheikh Awab berkata, operasi MSM Trading di Dubai akan disokong oleh anak syarikat baharunya di Indonesia yang dijadualkan beroperasi pada Januari 2016 untuk memenuhi peningkatan permintaan di rantau berkenaan.

